

KENYATAAN MEDIA

Media Release



UNTUK SIARAN SEGERA

60,000 KAD KOMUTER LINK PERCUMA SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

11 Ogos 2017, Kuala Lumpur – KTM Berhad (KTMB) melalui perkhidmatan KTM Komuter akan mengedarkan 60,000 Kad Komuter Link (**Dewasa**) secara **PERCUMA** bermula dari 16 Ogos 2017 sehingga 16 September 2017 sempena bulan kemerdekaan. Kad Komuter Link ini boleh didapati di semua kaunter tiket KTM Komuter di Lembah Klang, dan juga melalui pasukan bergerak *#yourbuddy*.

Penumpang boleh memiliki kad tersebut secara **PERCUMA** tetapi perlu membuat tambah nilai bermula RM5.00 bagi pengaktifan kad sebelum digunakan untuk menaiki perkhidmatan KTM Komuter.

“Pemberian 60,000 kad secara PERCUMA ini adalah sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-60 dan tanda sokongan KTM Berhad kepada kempen ‘NEGARAKU’ dengan mesej ‘Terima Kasih NEGARAKU’. Usaha pemberian kad PERCUMA ini juga adalah antara inisiatif KTM Berhad untuk menggalakkan pengguna perkhidmatan KTM Komuter membudayakan kaedah pembayaran tiket secara tanpa tunai (*cashless*) kerana ianya lebih menguntungkan dan memberi penjimatan tambang sehingga 20% berbanding bayaran secara tunai”, kata Encik Khair Johari Ishak, Pengurus Besar Perkhidmatan KTM Komuter.

Setakat bulan Julai 2017, lebih daripada 150,000 orang telah memiliki kad Komuter Link kategori dewasa, pelajar, warga emas, dan OKU. Kad Komuter Link mula diperkenalkan dan digunakan di rangkaian stesen KTM Komuter setelah sistem tiket baharu yang menggunakan token dan kad nilai simpan telah beroperasi pada 19 Oktober 2016.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di 03 2267 1200 atau twitter *@ktm_berhad*.

-Tamat-

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat
Keretapi Tanah Melayu Berhad
11 Ogos 2017